

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 14 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 29**

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1133-L1762  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapa banyak Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditempatkan di pusat-pusat tahanan sementara di seluruh negeri dan sehingga akhir November 2006, berapa banyak pula yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka.
2. PN-1133-L1676  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status terkini mengenai program tanaman lada berkelompok di Sungai Asap untuk meningkatkan pendapatan penanaman lada di Sungai Asap.
3. PN-1133-L1355  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah tempoh masa yang dijangka akan diambil untuk membangunkan keupayaan jalan raya untuk menyaingi dan menyokong lebuhraya yang kini semakin sesak dan tidak mampu untuk menampung jumlah kenderaan yang semakin meningkat.
4. PN-1133-L1654  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimanakah caranya pihak Kementerian:-
  - (a) memantau status atau tahap pematuhan undang-undang alam sekitar terutamanya dalam isu pembuangan bahan berbahaya; dan
  - (b) apakah usaha terkini kerajaan bagi menangani masalah pembuangan berbahaya industri di negara ini.

5. PN-1133-L1425  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik pelajar-pelajar yang menganggur selepas darjah 6 dan tingkatan 3 mengikut kaum dari tahun 2000 hingga 2005.
6. PN-1133-L1960  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
  - (a) berapa ramai statistik anggota-anggota tentera dan bekas tentera sehingga kini yang tidak menjelaskan bayaran pinjaman perumahan mengikut perjanjian beli rumah mereka terpaksa dilelong; dan
  - (b) adakah perancangan Kementerian agar Lembaga Tabung Angkatan tentera (LTAT) mengambil alih hutang-hutang terbengkalai ke atas pinjaman perumahan tersebut supaya anggota-anggota dan bekas tentera untuk mengatasi rumah mereka daripada dilelong.
7. PN-1133-L1705  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cara-cara atau mekanisme pemantauan yang sesuai dilaksanakan oleh Kementerian bagi menyelaraskan PBT di seluruh negara serta meningkatkan efisien dan pelaksanaan serta mengurangkan kerenah birokrasi di PBT.
8. PN-1133-L1498  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada wujud kerjasama antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam memajukan pertanian moden berdasarkan bio-teknologi memandangkan bio-teknologi ini berada di bawah Kementerian berkenaan; dan bagaimanakah pemindahan bio-teknologi ini kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan dilakukan dan diselaraskan.
9. PN-1133-L1814  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keputusan atas permintaan kenaikan kadar tol bagi 5 syarikat konsesi dan apakah faktor-faktor yang diambil kira dalam pertimbangan kenaikan kadar tol tersebut.
10. PN-1133-L1347  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada langkah Kerajaan menaikkan harga rokok telah membuahkan hasil positif dan membantu di dalam usaha mengurangkan bilangan perokok di Malaysia.

11. PN-1133-L1478  
**Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah jabatan dan agensi Kerajaan yang telah mencapai Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan mencapai jangkauan orang awam.
12. PN-1133-L1549  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi yang mantap yang akan digunakan polis untuk memastikan kegiatan Mat Rempit yang semakin berleluasa dapat dibendung, terutama kerana majoriti kes melibatkan remaja berbangsa Melayu.
13. PN-1133-L1525  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan tindakan undang-undang yang diambil terhadap IPTS-IPTS yang menyalahgunakan visa pelajar baru-baru ini.
14. PN-1133-L1605  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi mengurangkan kesan terhadap ekonomi negara akibat pertumbuhan ekonomi dunia yang akan berkembang lebih perlahan berikutan kesan daripada harga minyak yang kekal tinggi, tekanan inflasi yang semakin meningkat, kadar faedah yang lebih tinggi dan ketegangan geopolitik. Apakah kesannya juga terhadap golongan yang berpendapatan rendah.
15. PN-1133-L1822  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setiap kali bantuan hendak disalurkan, ibu bapa pelajar dikehendaki mengisi borang yang berlainan jenis sehingga mengelirukan. Tidakkah Kementerian dapat menzahirkan satu jenis borang untuk kegunaan semua jenis bantuan dalam usaha Kementerian menyalurkan bantuan kepada para pelajar.
16. PN-1133-L1449  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan masa depan anak yatim yang terpaksa meninggalkan rumah anak yatim apabila berumur lebih 18 tahun supaya mereka dapat mengharungi cabaran dunia luar dan tidak terjebak dalam aktiviti negatif.
17. PN-1133-L1357  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan program kebudayaan dan kesenian yang bakal di promosi dan dilaksanakan oleh Kementerian demi menyambut Tahun Melawat Malaysia 2007 di mana lebih 7 juta pelancong asing dijangka membanjiri Malaysia.

18. PN-1133-L1636  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan syarikat outsourcing yang telah diluluskan oleh Kementerian untuk membekal dan mengurus pekerja asing. Apakah tujuan Kerajaan mewujudkan syarikat ini dan apakah syarat-syaratnya.
19. PN-1133-L1977  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membangunkan industri bioteknologi bagi negeri Sabah. Setakat ini, apakah pelaksanaan rancangan tersebut.
20. PN-1133-L1598  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa pelantikan jururunding bagi projek-projek RMK-9 akan turut membuka peluang kepada jururunding bertauliah dan berkaliber dari kalangan usahawan bumiputera kecil dan sederhana yang selama ini kurang mendapat peluang kerana senantiasanya dibolot oleh syarikat-syarikat besar semata-mata.
21. PN-1133-L1866  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan percanggahan di antara fakta bekas Pengarah ASLI baru-baru ini mengenai ekuiti milik orang-orang Melayu.
22. PN-1133-L1407  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap penduduk-penduduk ladang yang tidak berpelajaran untuk mendapatkan lesen motor secara berkelompok dan mengambil ujian lisan.
23. PN-1133-L1607  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan sektor ini menjadi sektor yang moden, komersial dan berdaya saing seterusnya menjadi sektor utama yang menjana pertumbuhan ekonomi negara. Apakah juga langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan pengeluaran hasil pertanian dan menambahkan keupayaan pemasaran demi untuk menjenamakan produk Malaysia di pasaran global dan menjadikan produk Malaysia yang menepati piawaian kualiti antarabangsa.
24. PN-1133-L1750  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah tiada sebarang amaran keras dibuat ke atas akhbar Malay Mails yang memaparkan isu seks secara terbuka dan mengeksploitasikan wanita sebagai simbol seks dalam melariskan jualan akhbarnya.

25. PN-1133-L1545  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kementerian mengamalkan 'sistem kuat' untuk pemuda-pemudi bukan bumiputera bagi pengambilan rekrut-rekrut baru dalam pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang dijangka pengambilannya kira-kira 30,000 orang pada tahun hadapan.
26. PN-1133-L1435  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah sosial di kalangan belia yang telah meningkat.
27. PN-1133-L1715  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tahap pencapaian industri akuakultur negara dan apakah teknologi terkini yang diimport dari negara luar.
28. PN-1133-L1510  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sumbangan-sumbangan negara kita dalam Jawatankuasa Peace-building Commission yang diwujudkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
29. PN-1133-L1340  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes membunuh diri/'suicide' yang telah berlaku di Sarawak pada tahun 2005/2006 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini untuk jangka masa panjang.
30. PN-1133-L1906  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selain daripada pantauan dan teguran, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) jika polisi mereka menimbulkan kemarahan rakyat, seperti melantik 3 ahli majlis dari keluarga yang sama yang berlaku dalam Majlis Perbandaran Klang.
31. PN-1133-L1850  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah PERKESO tidak menghantar penyata kepada pencarumnya dan apakah PERKESO mengguna pakai skim insurans Islam atau konvensional. Kenapakah tidak ada rebat atau pulangan balik caruman PERKESO kepada pencarum yang tidak membuat apa-apa tuntutan.

32. PN-1133-L1950  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimanakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah-masalah anggota tentera yang berhutang di luar kemampuan mereka kerana ada di kalangan mereka menerima gaji bersih kurang dari RM200 sebulan.
33. PN-1133-L1637  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan Kempen Budi Bahasa sudah dijalankan hampir dua tahun. Sejauh manakah kejayaan kempen ini.
34. PN-1133-L1923  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramaikah majikan yang sudah diambil tindakan kerana gagal mencarum dengan PERKESO pada tahun 2006. Bagaimanakah Kerajaan memantau gejala yang tidak bertanggungjawab ini.
35. PN-1133-L1527  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes bunuh, rompak, samun dan lain-lain yang melibatkan senjata api dan apakah taraf kejayaan pihak berwajib menyelesaikan kes-kes ini.
36. PN-1133-L1784  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah hasil rancangan Program Outreach Pendidikan Khas bagi menangani isu-isu pendidikan anak orang asli dan berapakah kos perbelanjaan untuk program tersebut.
37. PN-1133-L1382  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan gaji yang terendah dan tertinggi bagi kakitangan perkhidmatan awam dalam Skim Saraan Malaysia (SSM).
38. PN-1133-L1575  
**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan mutu program kaunseling di peringkat daerah-daerah.
39. PN-1133-L1684  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah isi kandungan memorandum yang telah dikemukakan oleh badan gabungan beberapa pertubuhan wanita di negara ini yang bernama Kumpulan Tindakan Bersama Membantah Keganasan Terhadap Wanita yang telah ditubuhkan pada 8/3/1985 kepada pihak Kerajaan. Sejauh manakah keberkesanan dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan berdasarkan memorandum yang dikemukakan itu.

40. PN-1133-L1415  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menambah ahli-ahli Lembaga Penapis Filem (L.P.F) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang untuk menonton tapis filem cereka, drama tv, filem iklan, filem rencana dan sebagainya yang sebanyak 24,000 tajuk setahun.
41. PN-1133-L1617  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana kemajuan yang telah dicapai dalam usaha mendaftarkan klinik-klinik swasta di negara ini dan apakah tindakan ke atas klinik yang gagal membuat pendaftaran apabila tempohnya sampai.
42. PN-1133-L1741  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapa banyak kes yang telah dilaporkan berkaitan dengan penyalahgunaan internet untuk tujuan menjatuhkan imej dan maruah seseorang, serta apakah langkah-langkah pemantauan yang dijalankan ke atas penyebaran maklumat internet yang agak sukar untuk dibendung.
43. PN-1133-L1563  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan mengenai persediaan dan bilangan pelancong yang diangarkan oleh Kementerian bagi Tahun Melawat Malaysia 2007.
44. PN-1133-L1452  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kerajaan telah menetapkan tempoh masa yang tertentu untuk penyiapan sesebuah projek kecil di kawasan luar bandar, dan apakah mekanisme yang diguna pakai untuk membantu kontraktor kecil luar bandar meningkatkan persediaan untuk pelaksanaan projek-projek ini.
45. PN-1133-L1732  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kenyataan Sultan Johor untuk merobohkan Tambak Johor merupakan perkara yang wajar dilakukan memandangkan Link Kedua sudah cukup untuk menghubungi Johor dan Singapura. Keperluan kapal-kapal untuk melalui Selat Tebrau dan menghasilkan satu pengairan yang bersih amat penting sekali.
46. PN-1133-L1655  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyakkah laporan ad-hoc mengenai kajian kestabilan cerun di negara ini yang telah dilakukan dan apakah hasil kajian tersebut, serta tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan.

47. PN-1133-L1901  
**Tuan Tan Bon You** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk kawasan-kawasan yang berada di luar koridor pembangunan yang ditetapkan di bawah RMK-9.
48. PN-1133-L1372  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengadakan perbincangan bersama Malaysian Airport Holdings Berhad (MAHB) kerana MAHB juga mempunyai tanggungjawab dan peranan bagi menangani masalah kelewatan pesawat kerana setiap masalah yang berlaku di lapangan terbang boleh menyebabkan masalah kepada aliran kawalan udara dan memberi kesan kepada penundaan dan kelewatan kepada jadual penerbangan.
49. PN-1133-L1870  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan:-
- (a) apakah peranan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam perniagaan elektronik dan adakah syarikat e-dagang Malaysia diwajibkan mendaftar dengan SSM:-
  - (b) bagaimanakah bentuk pemantauan yang akan dibuat dan adakah apa-apa syarat yang dikenakan sekiranya syarikat yang didaftarkan di luar negara berurus niaga di Malaysia melalui internet contohnya seperti e-bay Malaysia dan Yahoo Malaysia.
50. PN-1133-L1670  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah pelancong asing yang telah mengunjungi negara kita sejak 2 tahun yang lalu dan jelaskan dengan terperinci kemasukan mereka ke negara ini daripada pintu masuk mana.
51. PN-1133-L1883  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian memberi galakan, bantuan dan kursus bagi mereka yang ingin mencari pekerjaan di luar negara.
52. PN-1133-L1934  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pemantauan dibuat terhadap pusat-pusat kecantikan yang menawarkan perkhidmatan rawatan muka, pembedahan plastik dan mengurangkan berat badan. Berapa banyakkah kes-kes aduan mengenai rawatan kecantikan, pembedahan atau terapi yang membawa kesan sampingan kepada pengguna.

53. PN-1133-L1914  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan baru-baru ini pihak JKR membuat sejumlah 39 tawaran kerja kontrak termasuk tawaran reka dan bina untuk kelas A dan C. Tarikh tutup tawaran ini ada yang dilanjutkan hingga Mac 2007. Tidakkah cara ini merugikan tenaga profesional dan kontraktor yang terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk menyertai tawaran ini, walhal hanya seorang sahaja yang akan berjaya.
54. PN-1133-L1391  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek Kompleks Feri Terminal di Butterworth yang begitu lama tergendala akan mula dilaksanakan semula.
55. PN-1133-L1815  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan senarai perbelanjaan pembangunan dan pengurusan dalam RMK-7 dan RMK-8 ke atas a) sekolah rendah kebangsaan b) SJK(Cina) c) SJK(T) dan d) Sekolah Rendah Agama Rakyat.
56. PN-1133-L1579  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan pengeluaran biodiesel dalam negara memandangkan mengikut suatu kajian yang telah dijalankan, pengeluaran biofuel di pasaran global iaitu termasuk ethanol dan biodiesel, akan berkembang daripada kurang satu juta tong sehari kepada kira-kira tiga juta tong sehari menjelang tahun 2030.
57. PN-1133-L1798  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dasar, polisi dan prosedur serta bentuk pelan pelaksanaan yang akan diguna pakai di dalam melahirkan seramai 10,000 orang usahawan tani yang terdiri daripada golongan muda dalam tempoh 5 tahun akan datang.
58. PN-1133-L1837  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bahawa imej dan kewibawaan polis kian terhakis ekoran penglihatan anggota polis dalam kes-kes jenayah seperti pembunuhan dan kekasaran anggota polis ke atas tahanan lokap. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mendaulatkan kembali kewibawaan polis supaya polis benar-benar disegani dan boleh dipercayai.
59. PN-1133-L1775  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan kebocoran yang dijangkakan oleh Kerajaan dalam melaksanakan program-program Rancangan Malaysia Ke-9 dan apakah langkah-langkah pencegahannya.

60. PN-1133-L1970  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan atau perancangan pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah banjir pendatang tanpa izin di negara ini memandangkan kehadiran mereka ini telah banyak menyumbang kepada berbagai masalah jenayah dan sosial.
61. PN-1133-L2013  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengambil inisiatif untuk menaik taraf pegawai-pegawai Rela ke peringkat tertinggi hingga Pegawai Daerah agar Rela daerah lebih di pandang berwibawa, contohnya pegawai Rela daerah dilantik dari pegawai Polis atau pegawai lulusan universiti.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R.32/2006) Rang Undang-undang Perbekalan 2007 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. (13 Disember 2006)**
2. (D.R.24/2006) Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R.34/2006) Rang Undang-undang Kewangan 2006; “
4. (D.R.40/2006) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) 2006; “
5. (D.R.42/2006) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006; “
6. (D.R.41/2006) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2006; “
7. (D.R.43/2006) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006; “
8. (D.R.47/2006) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006; “
9. (D.R.46/2006) Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2006; “
10. (D.R.45/2006) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006; “
11. (D.R.48/2006) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006; “
12. (D.R.50/2006) Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006; “
13. (D.R.49/2006) Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2006; “
14. (D.R.51/2006) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; dan “
15. (D.R.35/2006) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan 2006. “

16. PN-1133-U1419

**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-

"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

17. PN-1133-U1942

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

18. PN-1133-U1943

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

19. PN-1133-U1944

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2006</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.196	Laporan Tahunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit)	14 Disember 2006
ST.197	Laporan Tahunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	14 Disember 2006
ST.198	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	14 Disember 2006
ST.203	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2001 (Telah Diaudit)	14 Disember 2006
ST.204	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	14 Disember 2006